



berhampiran dengan kawasan kebakaran tersebut.

Pada lawatan itu, Tunku Ismail turut menitahkan supaya sekolah berkenaan ditutup sementara demi kesihatan pelajar-pelajar.

Kebakaran hutan sejak 21 Ogos lepas itu merebak sehingga seluas 98 hektar dipercayai akibat cuaca panas dan kering yang melanda negeri ini.

TUNKU Ismail berangkat meninjau lokasi kebakaran hutan di Jalan Tanjung Kupang, Kampung Pekajang, Gelang Patah.



KEBAKARAN yang bermula 21 Ogos lalu semakin sukar dikawal.

Johor Bahru: Kerajaan negeri meminta Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN) membuat keputusan dan tindakan berhubung titah Pemangku Raja, Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang mahu dua sekolah berhampiran hutan di Jalan Tanjung Kupang, Kampung Pekajang, Gelang Patah yang terbakar sejak 21 Ogos lalu, ditutup sementara.

Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, kerajaan negeri bersama agensi berkaitan kebakaran berusaha sebaik mungkin bagi memastikan kebakaran yang berlaku dapat diatasi segera.

"Saya ambil maklum dan menjunjung kasih atas titah Pemangku Raja. Saya harap JPN ambil maklum titah yang disampaikan ini.

Kerajaan Johor rancang benih awan

"Kerajaan negeri bersama agensi berkaitan sentiasa berusaha sebaik mungkin supaya kebakaran dapat diatasi segera," katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Pembinaan Persimpangan Bertingkat Kempas di tapak projek dekat Setia Tropika di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kerjaya, Infrastruktur dan Pengangkutan negeri, Mohd Solihan Badri; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kempas, Datuk Osman Sopian dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim.

Dr Sahrudin berkata, beberapa langkah bagi menangani kebakaran hutan

sudah diambil, selain proses pembenihan awan turut dalam perancangan kerajaan negeri.

"Pembenihan awan memang antara perancangan, tetapi kita perlu menunggu terlebih dahulu agensi berkaitan memaklumkan sama ada perlu atau tidak proses berkenaan dilakukan," katanya.

Beliau pada masa sama turut memaklumkan semua operasi Kerajaan Negeri di Kota Iskandar masih berjalan seperti biasa biarpun ada yang mendakwa kualiti udara di kawasan pentadbiran terbahagi terjejas akibat kebakaran hutan itu.

Untuk rekod, status tanah hutan yang terbakar itu adalah tanah berhak milik iaitu tanah persendirian yang digunakan bagi tujuan pertanian.

ANGGOTA bomba berusaha memadam kebakaran hutan berhampiran Kampung Tanjung Adang dan Kampung Pekajang, Gelang Patah.